

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : Bil.(36)dIm.MPK/Y:D/T/5-135  
Tarikh : 6 Januari 2021

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan,

### PROSEDUR MENETAPKAN BAYARAN MEMPROSES PERMOHONAN PELAN LANDSKAP DI PERINGKAT PENGEMUKAAN PERMOHONAN KE SEKSYEN PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN (MPK).

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Bil. 10/2020** bertarikh **29 Disember 2020** telah bersetuju menetapkan **Bayaran Memproses Permohonan Pelan Landskap di buat di peringkat Semasa Mengemukakan Permohonan di Seksyen Pusat Setempat (OSC)**.
3. Untuk makluman Tuan, Pemohon/Perunding yang mengemukakan permohonan Pelan Landskap ke OSC (*Sistem OSC 3.0 Plus Online*) perlu membuat bayaran proses permohonan melalui *Payment Gateway (PBTPay)*. Kadar bayaran proses tidak berubah dan boleh dirujuk melalui Jadual Kadar Bayaran Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Landskap yang dipaparkan dalam Laman Sesawang Majlis Perbandaran Kuantan.
4. Pelaksanaan perkara ini berkuatkuasa **11 Januari 2021**. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Seksyen Pusat Setempat (OSC) MPK.
5. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian daripada pihak Tuan amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih

' **KUANTAN INDAH LESTARI** '

Saya yang menjalankan amanah

(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP., SAP., AAP., AMP)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuantan

MOA/destop/SRTLANDSKAP2021